

DBKL sita 11 premis perniagaan haram warga asing

PETALING JAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyita 11 premis perniagaan haram dikendalikan warga asing menerusi pelaksanaan Tindakan Khas Penjaja Warga Asing di beberapa lokasi tumpuan sekitar ibu kota, semalam.

DBKL berkata, antara kawasan tumpuan operasi ialah Jalan Petaling, Jalan Tun Tan Siew Sin, Jalan Leboh Pudu, Jalan P. Ramlee, Masjid Jamek, kawasan hadapan KLCC serta pusat beli-belah Pavilion Bukit Bintang.

Difahamkan, aktiviti perniagaan yang dijalankan melibatkan penjualan pakaian, makanan dan minuman.

“Tindakan diambil mengikut peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016.

“Semua barang yang disita telah dipindahkan ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan dokumentasi dan siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan.

Dalam masa sama, kata DBKL, pemantauan secara statik turut dijalankan dengan kerjasama



ANGGOTA penguatkuasa DBKL menyita barangan peniaga asing yang berniaga secara haram dalam operasi di sekitar ibu kota, semalam.

Jabatan Imigresen Malaysia bagi memastikan tiada sebarang aktiviti jualan haram dilakukan oleh warga asing.

Menurut DBKL, pihaknya akan terus mempergiat pemantauan dan tindakan penguatkuasaan secara berterusan di

kawasan-kawasan panas sekitar ibu kota.

“Orang awam yang mempunyai maklumat berkaitan aktiviti penajaan tanpa lesen digesa menyalurkan aduan melalui pautan <https://adukl.dbkl.gov.my>,” katanya.